

10/08/2003

PP sedia ganjaran, sambutan istimewa

Baharin Ramly

PERENANG maraton negara, Abdul Malik Mydin bakal menerima ganjaran istimewa daripada kerajaan negeri apabila pulang ke Pulau Pinang, Khamis ini.

Selain diberikan sambutan besar-besaran yang belum pernah diberikan kepada mana-mana atlet anak kelahiran negeri itu, Abdul Malik dijangka mendapat ganjaran itu berikutan kejayaannya menyeberangi Selat Inggeris, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata walaupun bentuk ganjaran itu masih belum ditentukan, beliau akan berbincang mengenainya dengan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon selepas menyambut kepulangan Abdul Malik nanti.

Beliau berkata, perenang maraton yang kini masih berada di Kuala Lumpur dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, petang Khamis ini dan kerajaan negeri sudah merancang sambutan besar-besaran bagi meraikan kepulangan "Wira Samudera" itu.

"Selepas menyambut kepulangannya Khamis ini, kita akan memikirkan pula bentuk ganjaran yang akan diberikan kepadanya. Tetapi perkara ini hanya akan diumumkan nanti selepas saya berbincang dengan Dr Koh," katanya.

"Semuanya sudah siap diatur dan ribuan rakyat di Pulau Pinang akan memberikan sambutan paling meriah, sebaik saja Abdul Malik tiba di lapangan terbang," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Patriotisme Generasi Muda di Institut Pertanian Bumbung Lima, Kelapa Batas, semalam.

Konvensyen yang dihadiri lebih 200 pemimpin institusi pengajian tinggi awam dan swasta dianjurkan Biro Tatanegara cawangan Pulau Pinang sempena Program Perjalanan Kemerdekaan peringkat negeri 2003 selama tiga hari bermula hari ini.

Petang kelmarin, kepulangan Abdul Malik yang menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama merentasi Selat Inggeris diberi sambutan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sejurus perenang itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Turut meraikan kepulangannya ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Hussein; timbalannya, Datuk Ong Tee Keat dan pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo pada 1999.

Dr Hilmi berkata, kejayaan Abdul Malik amat membanggakan rakyat negara ini, khususnya pelbagai lapisan rakyat di Pulau Pinang.

Terdahulu, Dr Hilmi dalam ucapannya berkata, kejayaan Abdul Malik yang berbekalkan sikap tidak mudah mengalah bagi merealisasikan impiannya untuk menawan Selat Inggeris itu memang wajar dicontohi generasi muda.

"Sikap inilah yang kita mahu. Gigih, tekun dan sabar dalam mengejar impian adalah formula yang perlu diamalkan generasi muda dalam apa bidang sekalipun, sesuai dengan slogan Malaysia Boleh," katanya.